LAMPIRAN A

MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR

SEKSYEN AGIHAN DAN PEMBANGUNAN

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI
1 C.3	YB Bukit Lanjan	- Kerajaan Negeri perlu melihat semula peruntukan ADUN sedia ada dan 30% dimansuhkan dan diberikan direct grant serta merta supaya bantuan dapat disalurkan kepada rakyat dengan lebih efektif. - Wakil Bebas dan Pembangkang perlu diberikan peruntukan yang seimbang dan dapat memperluaskan bantuan kepada rakyat yang memerlukan bantuan segera di kawasan mereka.	- Perbendaharaan Negeri Selangor telah mengeluarkan Garis Panduan Penggunaan Peruntukan AMMKN, ADN dan Ahli Parlimen; Peluasan Penggunaan Secara Sementara Bagi Perkara 6.1(iv) Program dan Aktiviti Mesra Rakyat Bagi Program Bakul Makanan pada 28 Jun 2021 yang telah menjelaskan pengecualian penggunaan peruntukan 30% projek kecil kepada program, aktiviti dan sumbangan. Pengecualian ini terpakai untuk tempoh PKP sepanjang tahun 2021.
2 C.4	YB Sungai Air Tawar	- Penyaluran peruntukan kepada ADN Pembangkang adalah tidak mencukupi bagi membantu rakyat semasa pandemik	- YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM50,000.00 untuk Ahli Dewan Negeri Selangor termasuk ADN Bukan Kerajaan dan RM30,0000.00 untuk Ahli Parlimen Pakatan Harapan sempena pengumuman Pakej Kita Selangor 2.0

			pada 9 Jun 2021. Peruntukan ini telah disalurkan oleh semua Pejabat Daerah/Tanah melalui cek peruntukan kepada PKM/Pejabat ADN/Ahli Parlimen sebelum 9 Julai 2021
3 C.5 / D.4	YB Kuang	- Peruntukan diperluaskan juga kepada ADN bebas untuk membantu rakyat - Penangguhan projek-projek pembangunan yang berskala besar dan dianjakkan ke tahun 2022 supaya Kerajaan Negeri memberi fokus sepenuhnya kepada masalah rakyat sepanjang tempoh PKP. - Projek-projek kecil yang berimpak tinggi boleh diberi keutamaan terlebih dahulu memandangkan tempoh pelaksanaanya boleh dilaksanakan dengan cepat.	- YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM50,000.00 untuk Ahli Dewan Negeri Selangor termasuk ADN Bukan Kerajaan dan RM30,0000.00 untuk Ahli Parlimen Pakatan Harapan sempena pengumuman Pakej Kita Selangor 2.0 pada 9 Jun 2021. Peruntukan tambahan ini adalah untuk semua Ahli Dewan Negeri termasuk ADN Bukan Kerajaan dan ADN Bebas. - Terdapat implikasi bagi penangguhan projek-projek pembangunan berskala besar yang dalam pembinaan seperti berikut: a) Akan menyebabkan kos projek bertambah disebabkan *Extension of Time* (EOT), bayaran pampasan kepada kontraktor disebabkan perbezaan kontrak, kos professional perunding meningkat disebabkan EOT; dan b) Harga bahan binaan yang akan

			meningkat disebabkan penangguhan dan menyebabkan kos kontrak meningkat. Namun yang demikian, Kerajaan Negeri bercadang untuk menangguhkan sebahagian projek-projek berskala besar yang masih lagi diperingkat perancangan untuk ditangguhkan pelaksanaan ke tahun 2023 bagi menampung keperluan disebabkan pandemik. - Projek-projek kecil dalam proses pembinaan tetap diteruskan bagi merancakkan ekonomi setempat di samping memperbaiki dan membaik pulih infrastruktur asas di kawasan terlibat. Sebagai contoh, sejumlah RM10.0 juta projek berskala kecil PEMERKASA Fasa 1 telah diluluskan di seluruh negeri Selangor.
4 C.11	YB Kota Damansara	- Perluasan penggunaan peruntukan ADN bagi membantu rakyat ketika menghadapi wabak COVID-19 dan PKP.	- Perbendaharaan Negeri Selangor telah mengeluarkan Garis Panduan Penggunaan Peruntukan AMMKN, ADN dan Ahli Parlimen; Peluasan Penggunaan Secara Sementara Bagi Perkara 6.1(iv) Program dan Aktiviti Mesra Rakyat Bagi Program Bakul Makanan pada 28 Jun 2021 yang telah menjelaskan pengecualian penggunaan peruntukan 30% projek kecil kepada program, aktiviti dan sumbangan. Pengecualian ini terpakai

			untuk tempoh PKP sepanjang tahun 2021.
5 C.13	YB Pandamaran	- Peruntukan untuk projek kecil dikurangkan daripada 20% kepada 10% suapaya dapat diperuntukkan untuk pandemik COVID-19.	- Perbendaharaan Negeri Selangor telah mengeluarkan Garis Panduan Penggunaan Peruntukan AMMKN, ADN dan Ahli Parlimen; Peluasan Penggunaan Secara Sementara Bagi Perkara 6.1(iv) Program dan Aktiviti Mesra Rakyat Bagi Program Bakul Makanan pada 28 Jun 2021 yang telah menjelaskan pengecualian penggunaan peruntukan 30% projek kecil kepada program, aktiviti dan sumbangan. Pengecualian ini terpakai untuk tempoh PKP sepanjang tahun 2021.
6 C.16	YB Kuala Kubu Bharu	- Batalkan 30% peruntukan ADUN untuk projek pembangunan supaya ADUN boleh gunakan untuk beli baja organik untuk rakyat bercucuk tanam dan pembelian tablet utk pelajar.	- Perbendaharaan Negeri Selangor telah mengeluarkan Garis Panduan Penggunaan Peruntukan AMMKN, ADN dan Ahli Parlimen; Peluasan Penggunaan Secara Sementara Bagi Perkara 6.1(iv) Program dan Aktiviti Mesra Rakyat Bagi Program Bakul Makanan pada 28 Jun 2021 yang telah menjelaskan pengecualian penggunaan peruntukan 30% projek kecil kepada program, aktiviti dan sumbangan. Pengecualian ini terpakai untuk tempoh PKP sepanjang tahun 2021.

7 D.1	YB Banting	- Projek-projek infrastruktur di bawah PBT dan Kerajaan Negeri perlu diberi pelepasan untuk berjalan, kelonggaran demi kesejahteraan rakyat.	- Pelaksanaan projek-projek dan aktiviti pembinaan adalah tertakluk di bawah SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Namun yang demikian, sebarang aktiviti pembinaan yang bersifat kritikal yang boleh menjejaskan dan membahayakan orang awam dan persekitaran boleh diteruskan dengan kelulusan pihak MITI dan mematuhi SOP PKP yang telah ditetapkan.
8 D.25	YB Sabak	- Mohon menambah peruntukan bagi membaiki rumah rakyat miskin. - Memberhentikan sementara belanja pembangunan yang tidak kritikal dan baki peruntukan tersebut untuk memberi bantuan kewangan kepada golongan yang kehilangan pekerjaan dan terjejas sumber pendapatan.	- Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1,000,000.00 untuk tujuan pembinaan rumah baru dan penyelenggaraan rumah untuk golongan rakyat berpendapatan rendah dalam Bajet 2021. Walaubagaimanapun, situasi pandemik yang semakin membimbangkan menyebabkan beberapa projek pembinaan tidak dapat diteruskan berikutan pematuhan terhadap SOP Perintah Kawalan Pergerakan(PKP). Oleh yang demikian, Pakej Kita Selangor yang telah diumum oleh YAB Dato Menteri Besar Selangor 28 Januari 2021 dan Pakej Kita Selangor 2.0 telah menggunakan peruntukan sedia ada untuk menyusun semula ekonomi dan membantu golongan sasar yang terjejas semasa pandemik ini.

10 I.37	YB Lembah Jaya	- Bakul makanan – Peruntukan tambahan sebanyak RM50 ribu diberikan kepada setiap ADN. Mohon penjelasan mengenai kaedah penyaluran peruntukan ini.	- Kaedah penyaluran peruntukan tambahan sebanyak RM50,000.00 untuk Ahli Dewan Negeri Selangor termasuk ADN Bukan Kerajaan dan RM30,0000.00 untuk Ahli Parlimen Pakatan Harapan untuk tujuan bakul makanan telah telah disalurkan oleh semua Pejabat Daerah/Tanah melalui cek peruntukan kepada PKM/Pejabat ADN/Ahli Parlimen sebelum 9 Julai 2021.
11 D.18	YB Bukit Melawati	- Program untuk generasi muda dan sukan diteruskan melalui program naik taraf infra sukan, infra terbaik dan selamat, kaedah mengcungkil bakat anak muda sebagai pelapis pemimpin dengan mengadakan sesi debat melalui Persatuan Belia Selangor (PBS).	- Untuk makluman, Program Pembangunan Generasi Muda dan Sukan diteruskan dan dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) dan juga Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang diiktiraf. Program ini dijalankan secara *virtual* sepanjang pandemik Covid-19 seperti Program Selangor *Xtiv Virtual E-Sports* 2021 (SXVE21), Program Selangor *Martial Art Xtiv Virtual* 2021 (SMAX21), Program Selangor Xtiv Virtual Chess 2021, Program Selangor Xtiv *Virtual Jump Rope* 2021, Program Selangor Xtiv *Virtual Ride* 2021, Program Selangor Xtiv *Virtual Busking* 2021, Program Selangor Xtiv *Virtual Marathon* 2021 dan Selangor Xtiv *Virtual Freestyle Football* 2021. - Seterusnya, dalam usaha untuk mewujudkan pemimpin pelapis,

			Penggerak Belia Selangor (PeBS) atau dulu dikenali sebagai Penggerak Belia Tempatan (PeBT) telah dilantik sebagai agen penggerak ke arah pembangunan Negeri termasuk merancang dan melaksanakan pelbagai jenis program bagi setiap DUN masing-masing. - Sebagai contoh, Kongres PeBS dan Konvensyen PeBS telah dirancang bagi membuka ruang kepada golongan generasi muda untuk berbahas dan berdebat berhubung dengan isu-isu yang berkaitan dengan golongan generasi muda dan mengangkat dasar-dasar belia ke peringkat negeri. - Infrastruktur dan fasiliti sukan yang baik juga merupakan satu aspek penting dalam bidang kesukanan yang boleh digunakan sebagai pusat latihan dan juga kegunaan rakyat dalam aktiviti kesukanan. Justeru, Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) telah melaksana dan menyelaras bagi kerja-kerja Projek Menaiktaraf, Membaikpulih dan Membina Baru Infrastruktur Sukan di Negeri Selangor. Status terkini, MSNS telah menerima permohonan Fasa 1 untuk menaiktaraf, membaikpulih dan membina baru infrastruktur sukan di

			sekitar Negeri Selangor mengikut DUN. Rumusan adalah seperti berikut: i. Senarai pemohon bagi Fasa 1 berjumlah 50 projek daripada 36 DUN. ii. 36 daripada 50 projek yang disenaraikan adalah dalam proses perolehan dan penyediaan senarai kuantiti. Baki 14 projek masih dalam proses semakan. iii. Kos anggaran siling untuk kerja baikpulih dan naiktaraf bagi 36 projek tersebut adalah berjumlah RM 2,090,000.00. - Dengan pelaksanaan projek ini, ia dapat memastikan kemudahan dan infrastruktur sukan di Negeri Selangor sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan dapat digunakan pada setiap masa.
12 I.10	YB Kampung Tunku	- Pengusaha sukan dan gym amat terkesan tidak menyediakan apa-apa bantuan.	- Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) berpandangan dalam membantu untuk meringankan beban pengusaha dan operator fasiliti sukan yang sangat terkesan oleh pandemik Covid 19 ketika ini ialah melalui kelonggaran atau pemberian pengecualian lesen

			perniagaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
PENGESAHAN KETUA JABATAN			